

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH

TARIKH: 11 NOVEMBER 2014

SOALAN:

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) mengapakah terdapat sebanyak 8 juta pekerja asing yang berdaftar di seluruh negara dan berapakah jumlah pekerja asing yang tidak berdaftar di seluruh negara sehingga kini; dan
- (b) mengapakah tiada kawalan dilakukan terhadap kebanjiran pekerja asing dan apakah impak kebanjiran pekerja asing terhadap pasaran buruh tempatan walaupun Kementerian telah melaksanakan penetapan gaji minimum di seluruh negara.

PR-1323-L63468

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, sehingga 31 Julai 2014, berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, jumlah pekerja asing sah yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara secara aktif adalah 2 juta pekerja termasuk jumlah pekerja asing yang telah diputihkan di bawah

- (vi) menggalakkan peralihan daripada industri berintensifkan buruh kepada intensif automasi melalui kepada majikan.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Berkenaan dengan impak kebanjiran pekerja asing terhadap pasaran buruh tempatan, penggajian pekerja asing akan mengisi kekosongan jawatan yang tidak diminati pekerja tempatan terutamanya bagi jawatan pekerja tidak mahir dan ini membantu menyumbang kepada produktiviti dan pendapatan ekonomi negara serta secara tidak langsungnya akan mewujudkan peluang pekerjaan baru kepada pekerja tempatan dari segi perjawatan penyeliaan ke atas pekerja asing.